

12/10/1998

Gerak bukan bela Anwar: Fadzil

Al-Abror Mohd Yusof

KEPALA BATAS, Ahad - Pas hari ini menjelaskan, pakatan yang terjalin antaranya dengan DAP dan Parti Rakyat Malaysia dalam Majlis Gerakan Keadilan Rakyat (Gerak) bukan untuk membela penahanan Datuk Seri Anwar Ibrahim mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Presidennya, Datuk Fadzil Mohd Nor, berkata Gerak juga bukan satu pakatan politik untuk menghadapi pilihan raya umum akan datang, sebaliknya ia adalah `pemuafakatan kemanusiaan untuk menentang kezaliman'.

Justeru, katanya, Gerak diwujudkan bagi membela semua yang terbabit, bukan semata-mata kerana mahu membela penahanan Anwar secara peribadi.

"ISA itu sangat zalim dan ia bercanggah dengan konsep keadilan dalam Islam serta sistem keadilan sejagat. Sebab itu kita menentang penggunaan ISA secara meluas untuk menakut-nakutkan rakyat," katanya.

Fadzil menjelaskan demikian selepas menghadiri jamuan bersama Mursyidul Am, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat dan pelancaran gerak kerja pilihan raya Pas di markasnya di Pongsu Seribu, di sini malam tadi.

Beliau menegaskan, Pas tidak akan bekerjasama dengan parti lain bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang kerana ia tidak mahu dikhianati seperti pada masa lalu.

Pengalaman lalu, katanya, banyak memberi pengajaran kepada Pas apabila ia dikhianati oleh parti lain yang menjalin kerjasama dengannya.

Sehubungan itu, soal Pas bekerjasama dengan parti bukan Melayu atau bukan Islam bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang tidak timbul sama sekali.

"Kita pernah bekerjasama dengan Umno dan parti serpihan Umno tetapi akhirnya mereka semua mengkhianati kami.

"Saya fikir (dengan menghadapi pilihan raya bersendirian) semua lapisan rakyat boleh memberi sokongan kepada Pas seperti dibuktikan dalam pilihan raya kecil di Arau," katanya.

Pas pernah bekerjasama dengan Umno sehingga menyertai kerajaan campuran melalui Barisan Nasional (BN) tetapi keluar dari gabungan itu pada 1978.

Pada pilihan raya 1990, Pas membentuk Angkatan Perpaduan Ummah dengan parti serpihan Umno, Semangat 46 sehingga dapat membentuk kerajaan negeri itu. Bagaimanapun, kerjasama itu juga tidak kekal lama, malah Semangat 46 sendiri dibubarkan pilihan raya umum 1995 dengan sebahagian pemimpin dan ahlinya menyertai Umno.

Fadzil yang juga pengerusi Gerak berkata, majlis itu akan melancarkan kempen poskad beberapa hari lagi untuk meminta Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meletakkan jawatan dan mengadakan pilihan raya umum bagi menguji sejauh mana rakyat masih menyokongnya.

(END)